

20/12/1997

Amanat kepada pemandu teksi

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemandu teksi dan kereta sewa menjaga imej negara kerana sektor pelancongan kini adalah antara jentera terbaik untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Mesej itu disampaikan kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik yang menemui Perdana Menteri di pejabatnya pagi ini.

"Perdana Menteri mahu pemandu teksi dan kereta sewa menonjolkan imej cemerlang kepada pelancong supaya menarik minat tinggal lebih lama di negara ini.

"Menurut Dr Mahathir, sektor pelancongan adalah antara jentera terpenting untuk memulihkan ekonomi negara. Oleh itu mereka yang terbabit secara langsung perlu memainkan peranan untuk menarik kedatangan pelancong," katanya pada sidang akhbar selepas majlis berkenaan.

Sabbaruddin menemui Perdana Menteri sebelum merasmikan majlis penyerahan Buku Panduan Ringkas Kuala Lumpur kepada Persatuan Konsortium Teksi Wilayah Persekutuan dan Selangor, di sini.

Ketika berucap pada majlis berkenaan, Sabbaruddin berkata, semua pemandu teksi terutama di bandar raya perlu mempunyai pengetahuan mengenai tempat bersejarah bagi memudahkan mereka memberi maklumat tepat kepada pelancong asing.

Buku panduan ringkas itu menyediakan peta pusat bandar raya Kuala Lumpur, nama hotel, kedutaan, tempat tarikan utama, nombor telefon utama dan acara sepanjang tahun.

Sabbaruddin berkata, pemandu teksi perlu tahu maklumat seperti ketinggian Menara Kuala Lumpur atau menara berkembar Petronas untuk pengetahuan pelancong.

"Khidmat tambahan seperti itu sudah tentu akan menawan hati penumpang dan secara tidak langsung menarik minat lebih ramai penumpang menggunakan khidmat teksi," katanya.

Mengambil contoh pemandu teksi di London, beliau berkata, mereka sanggup mengeluarkan sedikit modal untuk membeli kaset pelbagai negara dan akan memutarkannya jika tahu penumpang berkenaan dari negara mana.

"Jadi jika menaiki teksi di London, jangan terperanjat sekiranya pemandu teksi berkenaan memutar lagu P Ramlee.

"Secara serius, kita perlu lihat bagaimana mereka mengeksploitasi secara bijak kedatangan pelancong ke negara mereka. Perkara yang sama boleh dilakukan oleh pemandu kita sekiranya mereka melihat kehadiran pelancong itu secara menyeluruh dan jangka panjang," katanya.

Sabbaruddin berharap pemandu dan pengusaha teksi tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa menitikberatkan perkhidmatan berkualiti, keselesaan penumpang, ketrampilan diri dan berhemah.

"Selain daripada usaha kerajaan melengkapkan diri pemandu teksi, pengusaha juga dikehendaki memberi latihan kesopanan serta etika bekerja.

"Pemandu teksi sekarang diklasifikasikan sebagai orang hadapan untuk mencerminkan imej rakyat Malaysia yang peramah dan bersopan santun," katanya.

Sabbaruddin berkata, sebanyak RM766 juta atau 7.4 peratus daripada perbelanjaan keseluruhan pelancong asing tahun lalu digunakan untuk pengangkutan - peningkatan 4.4 peratus berbanding 1995.

"Sekiranya peratusan berkenaan diambil kira pada tahun 2000, sebanyak RM1.1 bilion akan dibelanjakan oleh pelancong asing hanya untuk tambang.

Jumlah itu tidak termasuk tambang penerbangan domestik.

"Oleh kerana itu, pemandu teksi perlu sedar bahawa kerjaya mereka kini bukan lagi sekadar separuh masa tetapi ianya satu tanggungjawab besar untuk membantu negara ke arah memaparkan imej yang baik di kalangan pelancong asing," katanya.

(END)